

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI PULAU PINANG

PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO:PA-25-94-10/2018

ANTARA

WEALTHY CARE CONSORTIUM SDN BHD

- PEMOHON

DAN

1. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SURUHANJAYA

PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

2. SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

- RESPONDEN-RESPONDEN

PENGHAKIMAN

Pengenalan

Dalam permohonan semakan kehakiman ini, pemohon memohon perintah certiorari untuk membatalkan keputusan-keputusan yang telah dikeluarkan terhadap pemohon melalui:-

- (i) Notice to Require Provision of Information and Document by the Competition Commission Under Section 18 (1) of the

Competition Act 2010 [Act 712] (Notice) bertarikh 10.7.2018;
dan

- (ii) Direction By the Competition Commission to Allow Access to Records, etc Under Section 20 of the Competition Act 2010 [Act 712] (Direction) bertarikh 10.7.2018.

Fungsi mahkamah dalam semakan kehakiman ialah menyemak proses sesuatu keputusan itu dibuat, samaada ianya adalah munasabah atau terdapat unsur illegality, irrationality atau impropriety; (rujuk: Tenaga Nasional Berhad v Yahaya Jusoh [2014] 2 CLJ 498.

Latar belakang fakta

1. Responden kedua, Suruhanjaya Persaingan ditubuhkan pada 1.4.2011 dengan tujuan untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712].

2. Fungsi responden kedua ialah untuk menjaga proses persaingan bebas dan adil dalam pasaran komersial untuk kebaikan

pengguna-pengguna. Responden kedua diberi kuasa untuk antara lainnya, memastikan kepatuhan kepada Akta 712, menyiasat aduan-aduan berkenaan kelakuan anti-persaingan, melakukan kajian pasaran dan mengenakan denda ke atas syarikat-syarikat atau perusahaan-perusahaan yang melanggar undang-undang persaingan.

3. Sebelum 8.9.2016, Kastam Diraja Malaysia menjalankan proses imbasan (scan dan periksa) ke atas semua kontena import yang masuk ke Malaysia melalui Pelabuhan Pulau Pinang secara rambang (random). Mulai 8.9.2016, proses 100% imbasan dilaksanakan di mana kontena-kontena yang berkenaan akan diimbas menggunakan mesin pengimbas kontena milik Kastam Diraja Malaysia yang diletakkan di dalam kawasan Pelabuhan Pulau Pinang.
4. Kontena-kontena tersebut dikehendaki melalui mesin pengimbas Kastam Diraja Malaysia terlebih dahulu sebelum kontena-kontena tersebut dibenarkan untuk dibawa keluar daripada kawasan Pelabuhan Pulau Pinang. Tiada apa-apa caj tambahan yang

dikenakan oleh Kastam Diraja Malaysia atau pun Pelabuhan Pulau Pinang untuk proses imbasan kontena-kontena tersebut.

5. Pemohon dalam kes ini adalah suatu syarikat pengangkutan yang mengangkut kontena-kontena keluar daripada kawasan Pelabuhan Pulau Pinang. Maka, kontena-kontena yang akan diangkut keluar oleh pemohon perlu melalui mesin pengimbas Kastam Diraja Malaysia.
6. Pemohon, Wealthy Care Consortium Sdn Bhd adalah sebahagian daripada Kumpulan Lee Ting San Group of Companies di mana ia dimiliki seratus peratus oleh LTS Logistics Sdn Bhd yang dimiliki seratus peratus oleh Lee Ting San Lorry Transport Sdn Bhd. Kesemua syarikat dalam Lee Ting San Group of Companies mempunyai pengarah dan setiausaha syarikat yang sama.
7. Pada 30.11.2016, responden kedua telah menerima suatu pertanyaan tentang surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Persatuan Haulier Malaysia, Cawangan Utara (Surat Pekeliling

tersebut). Responden kedua juga telah menerima beberapa surat pekeliling yang berkaitan dengan Surat Pekeliling tersebut yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat hauliers yang kesemuanya telah menetapkan “Scanning Surcharge” sebanyak RM75.00 yang berkuatkuasa pada 1.12.2016 seperti berikut:

- i) Surat pekeliling tanpa tarikh dari SH Haulage Sdn Bhd;
- ii) Surat pekeliling bertarikh 15.11.2016 dari LTS Logistics (PG) Sdn Bhd;
- iii) Surat Pekeliling bertarikh 16.11.2016 dari Lee Ting San Enterprise Sdn Bhd;
- iv) Surat Pekeliling bertarikh 16.11.2016 dari Wealthy Care Consortium Sdn Bhd.

8. Selepas menerima surat pekeliling yang disenaraikan di perenggan 7 (i) hingga (iv) di atas, responden kedua mempunyai sebab untuk mengsyaki bahawa perusahaan-perusahaan yang terlibat, termasuk pemohon telah atau sedang melanggar seksyen 4 (2)

- (a) Akta 712 iaitu membuat perjanjian yang menetapkan harga surcaj sebanyak RM75.00 sebagai kos operasi imbasan. Oleh itu, responden kedua telah memulakan siasatan mengikut seksyen 14 (1) Akta 712.
9. Seksyen 4 (2) (a) Akta 712 melarang perusahaan-perusahaan membuat perjanjian yang mempunyai matlamat untuk menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain.
10. Bagi maksud menjalankan siasatan samaada pemohon telah melanggar seksyen 4 (2) (a), responden kedua telah mengeluarkan dan menyerahkan kepada pemohon tiga notis berikut:
- (i) Notis di bawah seksyen 18 (1) bertarikh 3.3.2017 (Notis Pertama);
 - (ii) Notis di bawah seksyen 18 (1) bertarikh 10.7.2018 (Notis Kedua); dan

(iii) Notis di bawah seksyen 20 bertarikh 10.7.2018 (Notis Ketiga).

11. Notis Pertama dan Notis Kedua menghendaki pemohon mengemukakan kepada responden kedua maklumat dan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam kedua-dua notis tersebut. Notis Ketiga pula menghendaki pemohon membentarkan responden kedua akses kepada rekod-rekod pemohon.
12. Pemohon telah mematuhi sepenuhnya Notis Pertama dan Notis Ketiga.
13. Walaubagaimanapun, pemohon gagal memenuhi sepenuhnya Notis Kedua kerana pemohon gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut:-
 - a. The revenue earned and the number of movements by Wealthy Care Consortium Sdn Bhd on monthly basis in relation to movement of import and export containers at the Penang Port for the period of January 2015 up until the date of this Notice;

- b. The revenue earned by Wealthy Care Consortium Sdn Bhd on a yearly basis in relation to movement of import and export containers for the period of January 2015 up until the date of this Notice;
- c. Wealthy Care Consortium Sdn Bhd worldwide turnover including groups of companies on a yearly basis for the year of 2015 up until the date of this Notice.

Isu untuk diputuskan

Dalam hujahan bertulisnya, peguam pemohon telah membangkitkan dua isu berikut:

1. Keputusan responden kedua untuk meneruskan siasatan ke atas pemohon adalah menyalahi undang-undang, tidak munasabah dan/atau tidak rasional dan mengandungi ketidakwajaran prosedur dalam keputusan.
2. Samaada permohonan untuk membatalkan siasatan terhadap pemohon mengikut notis bertarikh 10.7.2018 wajar dibenarkan.

Isu pertama

Peguam pemohon menghujahkan bahawa keputusan responden kedua untuk meneruskan siasatan adalah tidak munasabah, tidak rasional dan tidak mengikut prosedur atas alasan-alasan berikut:-

- (a) Melalui surat bertarikh 10.7.2018, responden kedua tidak pernah menyatakan dengan terperinci berkenaan butiran siasatan yang telah dibuat dan apakah dokumen yang telah dirujuk oleh responden kedua dalam mencapai keputusannya mengsyaki pemohon telah melanggar seksyen 4 (2) (a) Akta;
- (b) Berdasarkan surat 10.7.2018 itu juga, terdapat dua tarikh yang berbeza untuk pemohon menyediakan dokumen-dokumen yang diminta iaitu pada pukul 2.30 petang 10.7.2018 dan jam 11 pagi 8.7.2018;
- (c) Responden kedua telahpun membuat satu keputusan berdasarkan surat 10.7.2018 dan keputusan itu adalah pragmatang kerana selepas itu responden kedua mengarahkan pemohon untuk menyediakan dokumen-dokumen;

- (d) Tindakan responden-responden bercanggah dengan prinsip keadilan asasi .

Dalam hujahan balasnya, peguam responden-responden menjawab hujahan peguam pemohon seperti berikut:

- (a) Seksyen 14 Akta 712 memberi kuasa budibicara kepada responden kedua untuk menjalankan siasatan jika responden kedua mempunyai sebab untuk mengsyaki ada perlanggaran peruntukkan dalam Akta. Dalam kes ini, surat-surat pekeliling telah memberikan sebab kepada responden kedua untuk mengsyaki bahawa perusahaan-perusahaan ini telah melanggar seksyen 4 (2) (a) Akta dengan membuat perjanjian yang menetapkan harga surc妖.
- (b) Responden-responden harus diberi kebebasan untuk menjalankan siasatan tanpa campurtangan atau halangan daripada pemohon.

- (c) Tidak ada peruntukkan nyata di bawah Akta 712 yang menghendaki responden kedua memberikan sebab-sebab sebelum boleh menjalankan siasatan. Oleh itu, pengataan pemohon bahawa siasatan responden kedua adalah tidak munasabah, tidak rasional dan menyalahi undang-undang adalah tidak bermerit dan tidak berasas.
- (d) Kewujudan dua tarikh dan dua masa yang berbeza hanya berlaku dalam Notis Ketiga bertarikh 10.7.2018. Jawapan responden-responden ialah ini adalah satu kesilapan menaip. Pemohon telah pun mematuhi Notis Ketiga. Maka, pemohon tidak boleh membangkitkan isu kesilapan tarikh pada masa ini kerana tidak ada apa-apa kekeliruan yang diakibatkan kepada pemohon.
- (e) Mengenai dakwaan pemohon bahawa Notis Pertama, Kedua dan Ketiga adalah keputusan yang dibuat oleh responden kedua dan adalah pra-matang, responden-responden menjawab bahawa ketiga-tiga notis itu adalah arahan yang dikeluarkan menurut seksyen 18 dan 20 Akta. Responden-responden tidak

membuat apa-apa keputusan lagi. Siasatan masih berjalan. Pemohon juga telah mematuhi Notis Pertama dan Ketiga. Pemohon telah mematuhi sebahagian Notis Kedua. Oleh itu, responden-responden menghujahkan bahawa pemohon adalah dihalang daripada mempertikaikan Notis Kedua dan Ketiga.

Saya bersetuju sepenuhnya dengan hujahan peguam responden-responden. Seksyen 14 (1) Akta 712 memperuntukkan:

14.(1) The Commission may conduct any investigation as the Commission thinks expedient where the Commission has reason to suspect that any enterprise has infringed any prohibition under this Act or any person has committed or is committing any offence under this Act.

Perkataan-perkataan di dalam seksyen 14 (1) itu jelas memberi kuasa kepada responden kedua untuk menjalankan siasatan jika responden kedua ada sebab untuk mengsyaki mana-mana perusahaan telah melanggar larangan di bawah Akta. Seksyen 14 (1) tidak menghendaki responden kedua memberikan sebab-sebab atau bukti

kenapa mengsyaki pemohon telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 4 (2) (a) Akta. Siasatan bukan sahaja sulit, tetapi juga tidak boleh ada halangan dan campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan. Dalam kes ini, surat-surat pekeliling yang menetapkan harga surc妖 RM75.00 untuk mengimbas kontena-kontena telah menimbulkan syak kepada responden kedua bahawa pemohon telah melanggar larangan di bawah seksyen 4 (2) (a) Akta. Maka, responden kedua ada kuasa untuk memulakan siasatan.

Mengenai Tiga Notis yang dikeluarkan kepada pemohon di bawah seksyen 18 (1) dan seksyen 20 Akta, saya mendapati notis-notis itu adalah sebahagian daripada prosedur untuk responden menjalankan siasatan. Responden kedua memerlukan maklumat dan dokumen untuk melengkapkan siasatan. Seksyen 18 (1) (a) dan seksyen 20 memperuntukkan:

18.(1) The Commission may, by notice in writing, require any person whom the Commission believes to be acquainted with the facts and circumstances of the case-

(a) to provide or produce to the Commission, within the period and in the manner specified in the notice, any

information or document which is relevant to the performance of the Commission's powers and functions; or

- (b) to make a statement to the Commission providing an explanation on any information or document referred to in paragraph (a) within the period and in the manner specified in the notice.*

Seksyen 20 memperuntukkan:

20. (1) *A person shall, if at any time directed by the Commission, allow the Commission access to his records, books, accounts or other things for the purposes of carrying out any of the Commission's functions or powers under this Act.*

(2) Any person who fails to comply with the direction under subsection (1) commits an offence.

Pemohon mengatakan Notis-Notis bertarikh 10.7.2018 di bawah seksyen 18 (1) dan seksyen 20 adalah menyalahi undang-

undang,tidak rasional dan tidak mengikut prosedur. Pengataan pemohon itu adalah tidak benar. Pada saya, notis-notis itu dikeluarkan mengikut undang-undang. Malah, pemohon pun telah mematuhi kesemua notis, kecuali notis kedua (hanya separuh sahaja dipatuhi). Oleh itu, pemohon dihalang oleh prinsip estoppel daripada mencabar notis-notis tersebut. Seterusnya, pemohon mengatakan responden kedua perlu mendapatkan dokumen-dokumen dahulu sebelum boleh mengsyaki pemohon melanggar seksyen 4 (2) (a) dan bahawa keputusan responden kedua mengesyaki pemohon adalah pra-matang. Pada saya, adalah jelas bahawa pemohon telah tersilap tafsir undang-undang. Tidak kira apa jenis kes, semua siasatan bermula dengan suatu kesalahan disyaki telah dilakukan. Selepas itu baru proses mengumpul maklumat dijalankan untuk mengesahkan samaada apa yang disyaki itu benar berlaku. Dalam kes ini, siasatan belum selesai dan tiada keputusan dibuat. Maka, pengataan pemohon bahawa keputusan responden kedua mengesyaki pemohon adalah pra-matang kerana dokumen-dokumen masih diminta adalah suatu pengataan yang tidak berdasas. Sebaliknya, saya mendapati siasatan responden kedua dibuat mengikut kehendak-kehendak di bawah Akta 712. Oleh

itu, isu pertama yang dibangkitkan oleh pemohon adalah tidak bermerit dan ditolak oleh mahkamah ini.

Isu kedua

Pemohon menghujahkan bahawa siasatan responden kedua harus dibatalkan kerana responden kedua telah merujuk pemohon sebagai anak syarikat Kumpulan Lee Ting San. Kes pemohon ialah:

- i) Pemohon tiada kaitan sama sekali dengan Kumpulan Lee Ting San;
- ii) Pemohon bukanlah anak syarikat Kumpulan Lee Ting San;
- iii) Pemohon dan Kumpulan Lee Ting San adalah dua syarikat yang berbeza identiti serta berlainan lokasi; dan
- iv) Dokumen-dokumen yang diminta oleh responden kedua seharusnya tidak melibatkan pihak Kumpulan Lee Ting San.

Menjawab hujahan pemohon, peguam responden-responden menghujahkan:

- a) Tidak ada kesilapan identiti mengenai kepada siapa notis-notis itu dialamatkan dan siapa yang harus mematuhi notis-notis tersebut. Notis kedua dan ketiga dialamatkan kepada pemohon dan dokumen yang diminta juga adalah berkaitan dengan pemohon. Oleh itu, tidak ada apa-apa kekeliruan mengenai apa dokumen yang harus dikemukakan oleh pemohon dan pemohon harus mengemukakannya.
- b) Carta organisasi dan kad perniagaan/kad nama pengarah-pengarah pemohon iaitu En Lee Kah Chye dan En Baidrulhisam bin Abdul Hamid menunjukkan bahawa pemohon adalah sebahagian dari Kumpulan Lee Ting San.

Saya mendapati fakta-fakta yang dihujahkan oleh peguam responden-responden adalah benar. Kad nama En Baidrulhisam yang bertanda eksibit "IS-9" dan carta organisasi yang ditandakan sebagai eksibit "IS-2" jelas menyebut bahawa pemohon adalah sebahagian dari

Kumpulan Lee Ting San. Oleh itu, dakwaan pemohon bahawa ia tidak tidak ada kaitan dengan Kumpulan Lee Ting San adalah tidak berasas dan ditolak oleh mahkamah ini.

Keputusan

Permohonan pemohon adalah tidak bermerit. Siasatan responden kedua masih belum selesai. Pemohon tidak ada hak untuk mengganggu, menghalang atau menyekat siasatan responden-responden dengan alasan yang remeh temeh. Responden kedua hanya menjalankan tanggungjawab statutorinya di bawah Akta 712. Dengan itu, saya tolak permohonan pemohon dengan kos RM5000.00.

Bertarikh 5 Ogos 2019


Hadhariah bt Syed Ismail

Hakim

Mahkamah Tinggi

Pulau Pinang.

Peguamcara Pemohon: Cik Siti Rafidah & En Mohammad Irwan Shah;

Tetuan Aswandi Hashim & Co.

Peguamcara Responden: Cik Karin Lim, En Dominic & En Nicholas Lim;

Tetuan Presgrave & Matthews